

Isa berjalan di atas air

Petikan dari Kitab Injil: [Matius 14:22-33](#).

²²Setelah itu Isa menyuruh para pengikut-Nya menaiki perahu dan pergi ke seberang dahulu sementara Dia menyuruh orang ramai itu pulang. ²³Setelah menyuruh mereka pulang, Isa naik ke bukit seorang diri lalu berdoa. Apabila hari sudah lewat petang, Isa berada di situ seorang diri. ²⁴Ketika itu perahu yang dinaiki oleh para pengikut-Nya sudah jauh ke tengah, terumbang-ambing kerana angin berhembus dari arah bertentangan.

²⁵Antara dinihari dan pagi, Isa berjalan di atas air menghampiri mereka.

²⁶Apabila mereka melihat-Nya berjalan di atas air, mereka ketakutan lalu menjerit, 'Hantu!'

²⁷Isa segera berkata kepada mereka, 'Tenanglah. Aku Isa. Jangan takut.'

²⁸Petrus berkata, 'Junjungan, jika benar Engkau, suruhlah aku berjalan di atas air mendapatkan-Mu.'

²⁹'Marilah,' sahut Isa.

Petrus turun dari perahu dan mula berjalan di atas air ke arah Isa. ³⁰Tetapi apabila menyedari betapa kencangnya angin, Petrus berasa takut lalu mula tenggelam. 'Junjungan! Selamatkan aku!' serunya.

³¹Isa segera menghulurkan tangan memegangnya lalu berkata, 'Engkau yang kurang percaya, mengapa engkau ragu?'

³²Kedua-dua mereka menaiki perahu dan angin pun tiada. ³³Selepas itu para pengikut Isa yang di dalam perahu menyembah-Nya sambil berkata, 'Sesungguhnya Engkaulah Putera Allah!'